



SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH BIL.2 TAHUN 2018
TUNTUTAN TAMBANG PENGANGKUTAN AWAM
JABATAN MINERAL DAN GEOSAINS MALAYSIA
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR (NRE)

Dikelilingkan kepada:

Semua Pengarah Negeri/Pengarah Cawangan/Ketua Unit/ Warga JMG

TUJUAN

1. Surat Pekeliling ini bertujuan untuk menyelaras tuntutan tambang pengangkutan awam iaitu tambang teksi.

LATAR BELAKANG

2. Pekeliling Perbendaharaan (1PP), W.P 1.4 Kadar Dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Kerana Menjalankan Tugas Rasmi (Tidak Termasuk Tentera Dan Polis) . Pekeliling ini adalah bertujuan untuk menetapkan kadar dan syarat bagi seseorang pegawai menuntut elaun, kemudahan dan bayaran semasa bertugas rasmi mengikut Perintah Am Bab B.

PERATURAN YANG DITETAPKAN

3. Bagi tambang pengangkutan awam, pegawai layak menuntut tambang pengangkutan awam seperti yang dinyatakan di perenggan 5.11.1(a) sekiranya pegawai tidak menggunakan kenderaan sendiri atau kenderaan yang disediakan oleh kerajaan atau penganjur bagi menjalankan tugas rasmi sama ada di dalam atau di luar Ibu Pejabat berdasarkan tambang lazim yang dikenakan bagi sesuatu perjalanan tersebut dan disokong dengan resit sekiranya resit ada dikeluarkan.

4. Resit perlu dikemukakan sebagai dokumen pembuktian perkhidmatan tersebut digunakan. Walau bagaimanapun, perakuan perbelanjaan teksi tanpa resit terutama bagi kawasan pedalaman adalah tertakluk kepada pengesahan Ketua Jabatan yang bertanggungjawab.
5. Resit bagi penggunaan 'UBER' atau 'GRAB' juga adalah dibenarkan membuat tuntutan tambang pengangkutan awam yang mana Rang Undang-Undang (RUU) Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan perkhidmatan e-hailing diiktiraf sebagai perkhidmatan awam yang sah dan telah diluluskan di Dewan Rakyat pada 27 Julai 2017.


Tarikh Kuatkuasa

6. Pekeliling ini berkuakuasa dari tarikh ianya dikeluarkan

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

(DATUK SHAHAR EFFENDI BIN ABDULLAH AZIZI)

Tarikh Kuatkuasa:



25/4/18